

19/10/1999

PM syor Tabung Kewangan Asia Timur

Khaidir Abdul Majid in Singapura

SINGAPURA, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya Tabung Kewangan Asia Timur (EMF) ditubuhkan bagi menangani masalah kewangan yang dihadapi oleh negara di rantau ini secara lebih berkesan.

Perdana Menteri berkata, EMF seharusnya dibentuk sebagai badan pembiayaan serantau kecil yang dapat secara mendalam dan berterusan mengendalikan kerjasama kewangan di antara negara Asia Timur dan menangani masalah yang timbul pada masa depan.

"Badan berkenaan seharusnya melaksanakan peranannya secara harian dan tidak hanya muncul sekali dalam sedekad apabila krisis tercetus," katanya di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur Kelapan, anjuran bersama Forum Ekonomi Dunia (WEF) dan Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin krisis mata wang Asia 1997/1998 mungkin tidak berlaku jika EMF wujud sebelum ini.

"Kita mungkin tidak dilanda krisis dan mungkin tidak terpaksa melaluinya sehingga ke tahap yang tidak munasabah," katanya kepada kira-kira 700 ahli perniagaan dan pakar ekonomi yang menghadiri persidangan tiga hari itu bermula hari ini.

Menjelaskan cadangan itu pada sidang akhbar kemudiannya, beliau berkata EMF tidak seharusnya mengambil pendekatan seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam usaha membantu negara yang dilanda krisis.

"Ia tidak seharusnya menguna pakai satu penyelesaian untuk semua. Ia tidak boleh, seperti IMF hanya berkata jika mahu bantuan, negara penerima perlu mengikut langkah yang dirumuskannya.

"Ia juga tidak boleh hanya mengarahkan supaya negara penerima menstruktur semula, melaksanakan reformasi, menjadi lebih telus dan sebagainya. Sebaliknya, EMF perlu pragmatik," katanya.

Badan itu perlu terlebih dulu meneliti punca masalah yang dihadapi di negara penerima sebelum merumuskan sesuatu penyelesaian.

Ditanya sama ada Malaysia telah menggugurkan cadangannya untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata usaha itu masih diteruskan.

Malaysia, katanya, berpendapat jika EAEC baik untuk Asia Timur ia juga baik untuk seluruh dunia.

"Jika negara Asia Timur dapat saling membantu ia boleh menyumbang kepada pertumbuhan dunia," katanya.

Selain Dr Mahathir, dua lagi pemimpin serantau iaitu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, turut menyampaikan ucapan pada persidangan berkenaan yang bermula hari ini hingga Rabu.

Antara kenamaan lain yang menyertai persidangan itu ialah Pembantu Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Stanley Roth; Menteri Luar Australia, Alexander Downer; Timbalan Pengarah Urusan IMF, Stanley Fischer; dan Naib Presiden Bank Dunia, Joseph Stiglitz.

WEF adalah badan swasta berpusat di Switzerland yang mengumpulkan pemimpin politik dan perniagaan pada mesyuarat tahunannya di Davos, Switzerland dan di persidangan peringkat serantau. Badan itu dianggotai oleh 1,000 syarikat utama dunia.

(END)